

29/06/2001

PM ingatkan kaum Cina tidak terpedaya kempen DAP

Murtaza Abdul Ghani; Redzuan Yop

GEORGETOWN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta orang Cina supaya tidak terperangkap dengan kempen DAP yang menimbulkan kebencian terhadap Barisan Nasional (BN) dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, berikutan kekalahan pemimpin utamanya pada pilihan raya umum 1999, DAP kini giat menjalankan pelbagai usaha untuk mengembalikan sokongan masyarakat Cina terhadap parti itu.

Katanya, pemimpin mereka seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh menggunakan pelbagai isu yang menyentuh kepentingan masyarakat Cina untuk dijadikan modal membenci pemimpin kerajaan.

Beliau berkata, antara isu yang dieksploitasi oleh DAP bagi tujuan itu, termasuk isu tuntutan Suqiu dengan menuduh perdana menteri menyamakan orang Cina sebagai komunis, Sekolah Rendah Jenis kebangsaan Cina Damansara, Sekolah Wawasan dan isu pembelian Nanyang Press Holdings oleh Huaren Holdings Berhad.

"Mereka (DAP) sengaja menyalahafsirkan semua perkara berhubung kenyataan saya terhadap orang Cina agar mereka (orang Cina) marah pada saya dan kerajaan," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan kira-kira 2,000 pemimpin dan ahli komponen BN Pulau Pinang di Hotel Equatorial dekat sini, malam ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN turut mengecam sikap Pas yang melakukan perkara yang sama dengan menimbulkan kebencian di kalangan orang Melayu terhadap kerajaan terutama pemimpin Umno.

"Jika buka laman web mereka (Pas), pelbagai gelaran diberikan kepada saya seperti Mahafiraun dan Mahazalim. Itu pun tidak cukup, ada juga (Datuk Shahnon Ahmad) yang mengarang buku baru yang bertajuk 'Anjing' yang ditujukan kepada saya, semata-mata untuk menimbulkan kebencian," katanya.

Terdahulu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas petang ini untuk lawatan kerja dua hari disambut pemimpin BN negeri.

(END)